

29 MAR 1998

Mahathir - Pendetang

INDONESIA SETUJU RAKYATNYA DIHANTAR BALIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Indonesia telah memberi persetujuan supaya pendatang asing tanpa izin (PATI) dari negara itu dihantar balik ke Indonesia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan Indonesia mengenai penyelesaian terbaik yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

"Kita telah dapat persetujuan daripada pemerintah Indonesia supaya kita menghantar balik (pendatang yang ditahan di depo tahanan sementara)," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Naib Presiden Indonesia B.J Habibie di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata beliau sedih kerana berlakunya rusuhan di Depo Tahanan Sementara Imigresen di Semenyih, Selangor, Khamis lepas yang mengakibatkan seorang anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) Malaysia turut terbunuh dalam usaha meleraikan rusuhan itu.

Lapan pendatang asing tanpa izin Indonesia terbunuh dalam rusuhan itu.

"Kita harap perkara semacam ini tidak berlaku lagi," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia dan Indonesia menghadapi masalah yang sama, justeru itu harus saling memahami pendirian dan analisis yang dibuat masing-masing.

"Jika ada cara atau pendekatan untuk mengatasi masalah ini haruslah kita buat bersama," tambahnya.

Ketika menjawab soalan mengenai Mesyuarat Asia-Eropah di London dari 2 hingga 4 April, beliau berkata: "Kita akan hadir di mesyuarat ASEM."

Beliau telah berbincang mengenai mesyuarat itu dengan Canselor Jerman Helmut Kohl semasa di Hannover baru-baru ini.

"Kohl minta perkara ini dijadikan satu agenda dan untuk kemukakan ini kita perlu ketahui pendirian Indonesia juga kerana sebagai negara jiran apa yang berlaku kepada Indonesia tetap mempunyai kesan ke atas Malaysia," katanya.

Habibie pula selepas mengadakan pertemuan empat mata lebih satu setengah jam dengan Dr Mahathir, berkata perjumpaan itu berkisar kepada usaha meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dan masalah global.

Habibie selepas itu bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk meneruskan perjalanan ke London bagi menghadiri mesyuarat ASEM. -- Bernama

MNY oba